



Mercu tanda, monumen unik kebanggaan negara

PELUANG melawat bangunan terkenal dunia seperti Menara Eiffel di Paris bukan hanya mengujakan, tetapi paling tidak dilupakan ialah dapat melihat sendiri struktur binaan unik yang menarik minat ramai dari seluruh dunia itu. Pada 2007, Menara Eiffel dicalon sebagai salah satu benda ajaib di dunia.

Walaupun tidak diumumkan sebagai tujuh benda ajaib di dunia, ia tetap direkodkan sebagai bangunan berbayar yang paling kerap dilawati pengunjung dari seluruh dunia. Statistik menunjukkan lebih 200,000,000 pelancong sudah melawat menara ini sejak pembinaannya pada 1889.

Menara besi ini dibina di Champ de Mars bersebelahan dengan Sungai Seine di Paris. Namanya diberikan mengingati jurutera yang mengetuai pembinaan menara tertinggi di Paris ini, iaitu Gustave Eiffel. Menara ini bernilai £260,000 (RM1,560,000) ketika ia dibina dengan kebanyakan dana datangnya daripada Eiffel sendiri dan Kerajaan Perancis.

Eiffel juga adalah pereka bentuk Statue of Liberty yang kini antara monumen paling terkenal di dunia yang terletak di New York, Amerika Syarikat, selain turut terbabit mereka banyak bangunan lain di serata dunia seperti Vietnam, Filipina, Turki, Mexico, Brazil serta kebanyakan negara Eropah.

Menara Eiffel dibina adalah berfungsi sebagai 'sktuktur tema' bagi program Universal Exposition pada 1889 yang diadakan di Paris. Selepas program itu, menara ini adalah satu-satunya struktur yang dikekalkan berbanding struktur lain. Majlis bandarannya ketika itu pada mulanya mahu menara ini dirobohkan dan besinya dijual, namun pihak tentera mengenal pasti kebolehan menara ini berfungsi sebagai antena bagi teknologi radio yang masih baru ketika itu.

Paling menarik, dari segi sejarahnya pembinaan menara ini pada awalnya mendapat kritikan hebat daripada media massa dan masyarakat umum Perancis. Namun pembinaannya tetap diteruskan dengan membabitkan hanya 300 orang pekerja yang melekatkan lebih 18,038 besi padu.

Memandangkan binaan menara yang terbuka dan tidak mempunyai lantai, risiko kemalangan dan kematian nyata amat tinggi. Namun, Eiffel memilih untuk memastikan keselamatan sebagai unsur utama dalam proses keseluruhan pembinaan menara ini. Natijahnya, hanya seorang pekerja meninggal dunia selama keseluruhan pembinaan menara setinggi 325 meter ini.

Bentuk menara yang unik ini juga pada awalnya mengejutkan ramai pihak. Eiffel banyak menerima kritikan yang tidak menyokong bentuk menara yang sedemikian. Tetapi, Eiffel dan rakan juruteranya yang lain yang asalnya memang dikenali sebagai pembina jambatan besi yang hebat, bagaimanapun memahami kepentingan memahami kuasa angin untuk membina menara tertinggi di dunia ketika itu.

Justeru, reka bentuk menara itu ditentukan oleh kiraan matematik yang turut membabitkan rintangan angin untuk memastikan ia tetap kukuh walau sekuat mana sekalipun angin yang merintang.

Menara yang hanya mengambil masa selama dua tahun, dua bulan dan lima hari untuk disiapkan itu mempunyai binaan kukuh. Walaupun dari jauh hanya kelihatan seolah-olah menara yang tidak siap, menara ini terus berdiri megah selepas satu kejadian ribut taufan besar yang melanda Paris pada 1999. Ketika itu,

banyak bangunan besar di Paris runtuh melawan angin selaju lebih 100 meter sejam.

Apabila menara ini siap dibina pada 1889, ia menjadi menara tertinggi di dunia dan hanya pada 1930 Bangunan Chrysler Bandar New York dengan ketinggian 319 meter mengalahkan rekod Menara Eiffel.

Dari segi pengurusannya, menara ini memerlukan 50 hingga 60 tan cat untuk mengecat keseluruhan menara yang dilakukan setiap tujuh tahun untuk mengelakkannya daripada berkarat. Tona cat yang paling gelap dicat di bahagian paling bawah menara dan tona termuda di bahagian paling atas. Tujuannya adalah untuk memastikan warna menara dilihat sama daripada bawah menara. Sebelum ini, menara ini dicat dengan pelbagai warna seperti merah kecoklatan dan kuning serta coklat, tetapi hari ini ia hanya dicat menggunakan warna kelabu kecoklatan dan warna ini digelar sebagai 'beige Menara Eiffel.'

Proses mengecat menara ini mengambil masa hampir dua tahun untuk siap membabitkan lebih satu hektar jaring keselamatan, 1,500 berus serta 1,500 baju untuk pekerja. Sehingga hari ini, menara ini sudah dicat sebanyak 17 kali dengan proses pengecatan terakhir pada Disember 2001 dan siap pada Jun 2003. Proses mengecat yang akan datang ialah pada akhir tahun ini.

Mercu tanda dunia ini besar ertinya kepada Perancis. Di United Kingdom sendiri, belum ada mana-mana bangunan atau menaranya yang diiktiraf sebagai struktur tertinggi di dunia. Berbeza dengan Malaysia yang juga turut boleh berbangga dengan Menara Kembar Petronas yang hari ini begitu sinonim kewujudannya dengan Kuala Lumpur itu sendiri. Ketika berbual-bual dengan teman yang sempat melancong ke Malaysia sebelum ini kagum dengan keunikan dan kecanggihan mercu tanda Malaysia itu.

Menara Kembar Petronas direka oleh arkitek bernama Cesar Pelli berbangsa Amerika-Argentina. Ia dinobatkan sebagai bangunan tertinggi di dunia sejurus siap dibina pada 1998 sehingga Taipei 101 mengambil alih pada 2004. Bangunan 88 tingkat ini juga adalah bangunan yang mempunyai asas paling dalam di dunia. Asas sedalam 120 meter di bawah tanah dibina dengan jumlah konkrit yang amat besar.

Sungguhpun hari ini, menara kembar ini bukan lagi dinobatkan sebagai bangunan tertinggi di dunia, tetapi ia masih diiktiraf sebagai menara kembar dan bangunan pejabat tertinggi di dunia. Hari ini, Burj Dubai di Arab yang masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada September 2009 dikatakan akan menjadi bangunan tertinggi di dunia dengan ketinggian 818 meter. Sehingga September 2008, ia mencecah 707 meter. Bangunan lain yang turut popular kerana ketinggiannya adalah Taipei 101 dengan ketinggian 101 tingkat dan Menara Sears di Amerika.

Walaupun hari ini satu persatu bangunan lain dibina melepasi ketinggian Menara Kembar Petronas, hakikat ini tidak langsung 'menggugat' kebanggaan kita semua dengan pencapaian dan rekod menara kembar ini. Sungguhpun jauh di perantauan, mercu tanda Malaysia ini amat terkenal di Britain dan tetap menjadi kebanggaan warga Malaysia walau di mana kami berada.